

OKT - DIS 2023

BULETIN SUK



Majlis Pelancaran Portal
Insentif Penjagaan Anak
bagi wanita berkerja

MS. 10



Istiadat Penganugerahan
Darjah Kerabat Selangor

MS. 40



Darul Ehsan
Berselawat 3.0

MS. 49

Mutiara KATA

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya kita berjaya menguruskan Negeri Selangor dalam suku ketiga tahun 2023 di dalam kita berkhidmat untuk aspirasi negeri di samping menjaga kepentingan awam.

Sehubungan itu, adalah penting untuk seluruh warga kerja perkhidmatan awam berpegang teguh kepada nilai-nilai positif di samping memelihara nilai-nilai integriti yang tinggi agar prejudis rakyat dapat kita kikis di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.



YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

SIDANG REDAKSI



PENAUNG

YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

KETUA EDITOR


Mohamad Saiful Azri bin Mohd Fouzi
Mohd Fontedza bin Mohd Rawi

SIDANG EDITORIAL

Nur Fariza binti Daud
Nooraini binti Jalani
Adib bin Aziz
Aisya Sofea Binti Abdullah

FOTOGRAFI

Ahmad Fadhli bin Yahya



603-55447000 

www.selangor.gov.my 

@pejabatసుకుselangor 

@pejabatసుకుselangor 

@suk_selangor 

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

SOUND OF SELANGOR

8 Oktober, Sabak Bernam. Kerajaan negeri Selangor bersedia untuk menjadi hab atau pangkalan kepada pusat pengiktirafan yang memberi peluang kepada penggiat seni tempatan menyerlahkan identiti dan keperibadian budaya tempatan.

Menurut Exco Perumahan dan Kebudayaan Selangor, Borhan Aman Shah, kerjasama antara kerajaan negeri dan persekutuan melalui kementerian serta agensi berkaitan perlu dilaksanakan secara berterusan dan sistematik bagi merealisasikan hasrat itu.

"Kita bersedia sebenarnya sebab bagi saya Selangor ini satu negeri yang mana pintu masuk bermula di Selangor jadi Selangor berlapang dada untuk menjadikan hab budaya ini supaya kita dapat memberi impak yang besar bukan sahaja untuk ekonomi negeri Selangor sendiri untuk negara juga jadi saya ingat dengan kerjasama semua pihak termasuk pihak kerajaan pusat ini akan kita dapat memastikan bahawa budaya dan seni warisan itu dapat diteruskan," katanya.

Antara pengisian menarik program yang menyasarkan kira-kira 6,000 pengunjung itu ialah pertandingan Karaoke D'Desa, persembahan kebudayaan, jualan kraftangan dan produk tempatan, peruncitan, sukaneka keluarga serta himpunan konvoi motor klasik.

Sementara itu, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Datuk Shaharudin Abu Sohot berkata menerusi festival itu, masyarakat setempat serta sekitar diharap dapat menikmati kemakmuran ekonomi menerusi penajaan pendapatan jualan produk termasuk makanan, penginapan serta aktiviti yang berkaitan.

FESTIVAL MOTAC D'DESA

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN DAN PERTANDINGAN MELUKIS MY DOODLE 'SELANGOR KU MAKMUR'

Dirasmikan oleh:



10 OKTOBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Foyer Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung Majlis Perasmian Pameran Dan Pertandingan Melukis My Doodle 'Selangor Ku Makmur' anjuran Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kemajuan Desa dan Perpaduan dengan kerjasama UNISEL dan Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor.

Majlis telah dirasmikan oleh Puan Norhana binti Abdul Majid selaku Timbalan Pengarah Seksyen Sektor Pejabat SUK Selangor.

Program My Doodle 'Selangor Ku Makmur' adalah salah satu program bertujuan menyemai rasa semangat dan cintakan Negeri Selangor. Ia merupakan program berbentuk pertandingan melukis lukisan doodle bertemakan 'Selangor Ku Makmur' sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Sekolah Menengah Negeri Selangor. Lukisan ini telah dihasilkan di atas permukaan papan plywood berukuran 4 x 8 kaki (panel beroda).

Pertandingan lukisan My Doodle 'Selangor Ku Makmur' ini telah disertai pelajar sekolah menengah kerajaan dan swasta di sembilan daerah Negeri Selangor.

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN DAN PERTANDINGAN MELUKIS MY DOODLE "SELANGOR MAKMUR"





14 OKTOBER 2023, IJM RIMBAYU, KUALA LANGAT - Bersempena dengan Sambutan Hari Sukan Negara (HSU) yang telah diisytiharkan pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun, Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor telah menganjurkan majlis perasmian bagi sambutan ini bertempat di IJM Rimbayu, Kuala Langat pada hari ini.


Perasmian program telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir YB Tuan Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor, YB Papparaidu A/L Veraman, EXCO Sumber Manusia dan Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor, YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan SUK (Pembangunan), YBrS Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan SUK (Pengurusan), YBhg Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat dan Puan Azura binti Hj. Sarbin, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan bersukan bagi mewujudkan masyarakat yang cergas, aktif serta memupuk dan menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum.

Dengan penganjuran HSN 2023 ini dapat menjadikan rakyat Negeri Selangor lebih bersemangat untuk menjalankan aktiviti sukan serta lebih aktif beriadah dan mengamalkan gaya hidup yang sihat.

MAJLIS SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT NEGERI SELANGOR





17 OKTOBER 2023, JERAM, KUALA SELANGOR- Hari ini telah berlangsungnya perasmian majlis pecah tanah pembinaan kemudahan sisa kepada tenaga (Waste-To-Energy) di Jeram, Kuala Selangor. Projek ini adalah usahasama antara Worldwide Holdings Berhad (WHB) dengan Shanghai Electric Power Generation (M) Sdn. Bhd. bagi menukar sisa kepada tenaga.

Perasmian majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir, YB Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Tuan Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Selangor, YB Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor dan YBhg Datin Paduka Norazlina Binti Zakaria, Ketua Pegawai Eksekutif Worldwide Holdings Berhad (WHB).

Pembinaan loji termal bagi projek pengurusan sampah Waste-To-Energy (WTE) Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC) di Jeram yang dirasmikan pada hari ini, dijangka boleh memulakan operasinya pada tahun 2026. Semoga pembinaan Waste-To-Energy Plant ini dapat meningkatkan kecekapan pengurusan sampah yang selamat, hijau dan mampan di Negeri Selangor.



MAJLIS PECAH TANAH FASILITI SISA KEPADA TENAGA WTE



OPENING CEREMONY OF SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2023 19 OCTOBER 2023



20 OKTOBER 2023, KUALA LUMPUR - Kerajaan Negeri Selangor, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Pejabat SUK Selangor dengan rakan strategiknya TM One telah melancarkan Portal Selangor Government Data Exchange (SelGDX), dalam majlis perasmian Konvensyen Bandar Pintar Selangor dan Ekonomi Digital ke-8 2023 bertempat di KLCC Convention Centre.

Perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari diiringi oleh YB Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti., YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan SUK Pembangunan dan YBhg. Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan). Turut sama hadir barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

Portal SelGDX merupakan satu platform perkongsian data bersepadu (big data) merentasi agensi negeri dan sektor awam di Negeri Selangor. Portal ini telah mula beroperasi pada 13 Oktober 2023, dan dibangunkan dengan penglibatan lebih daripada 70 jabatan dan agensi Kerajaan di Negeri Selangor.

Dengan adanya platform perkongsian data raya (big data ini) dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan pembangunan ekonomi berasaskan teknologi dan peningkatan kualiti perkhidmatan Kerajaan demi kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor.

MAJLIS PELANCARAN SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2023



19 OKTOBER 2023 (KHAMIS) BERSAMAAN 4 RABIULAKHIR 1445H



19 OKTOBER 2023, SETIA ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Aziz Shah Al-haj diringi Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin. telah berangkat bercemar duli bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Hari Terbuka Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) 2023 bersempena ulang tahun IMR ke-123 di Institut Kesihatan Negara, Setia Alam, Selangor.

Turut hadir ialah YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan Malaysia. YB Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. YB Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar. YBhg Dato' Seri Ir Dr Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia. YBhg Dato' Indera Dr Shaari bin Ngadiman, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan YBrs Dr Tahir bin Aris, Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan.

IMR telah menjadi pusat kecemerlangan dalam pelbagai bidang penyelidikan sejak ditubuhkan pada tahun 1900. Misi utama IMR adalah untuk meningkatkan kesihatan dengan menjalankan penyelidikan bioperubatan yang berkualiti, menyediakan perkhidmatan diagnostik khusus dan membina keupayaan negara melalui pemindahan teknologi dan perkhidmatan perundingan.

Kewujudan IMR ini dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan penyelidikan, khususnya bidang biomedikal dalam kalangan masyarakat demi melahirkan modal insan yang fokus ke arah penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam mendokong cabaran pembangunan modal insan bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0.

SAMBUTAN HARI TERBUKA INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR) 2023 BERSEMPENA ULANG TAHUN KE-123 TAHUN IMR



YB Tuan Ng Sze Han

Selangor State Executive Councillor for
Investment, Trade & Mobility



20 OKTOBER 2023, KUALA LUMPUR - Kerajaan Negeri Selangor, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Pejabat SUK Selangor dengan rakan strategiknya TM One telah melancarkan Portal Selangor Government Data Exchange (SelGDX), dalam majlis perasmian Konvensyen Bandar Pintar Selangor dan Ekonomi Digital ke-8 2023 bertempat di KLCC Convention Centre.

Perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari diiringi oleh YB Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti., YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan SUK Pembangunan dan YBhg. Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan). Turut sama hadir barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

Portal SelGDX merupakan satu platform perkongsian data bersepadu (big data) merentasi agensi negeri dan sektor awam di Negeri Selangor. Portal ini telah mula beroperasi pada 13 Oktober 2023, dan dibangunkan dengan penglibatan lebih daripada 70 jabatan dan agensi Kerajaan di Negeri Selangor.

Platform perkongsian data raya (big data ini) dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan pembangunan ekonomi berasaskan teknologi dan peningkatan kualiti perkhidmatan Kerajaan demi kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor.

MAJLIS PELANCARAN PORTAL SELGDX





THE 4TH SELANGOR R&D AND INNOVATION EXPO SRIE 2023

19 - 22 OCTOBER 2023
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC)

22 OKTOBER 2023, KUALA LUMPUR- Bertempat di Kuala Lumpur Konvensyen Centre telah berlangsung Majlis Penyampaian Pemenang Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Tahun 2023 (MPIPANS). Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Dr Mohammad Fahmi bin Ngah, Exco Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi sempena Majlis Penutup Selangor R&D And Innovation Expo (SRIE) 2023 anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerjasama Yayasan Selangor & Universiti Islam Selangor.

Turut hadir, YBhg Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan). YBhg Dato' Hasan Azhari bin Haji Idris, Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, Puan Nor Azurah binti Nasir, Setiausaha Bahagian Korporat Pejabat SUK Selangor dan Tuan Zaini bin Sulaiman, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor.

Penyertaan Majlis Persada Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) terbuka kepada semua jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Pertandingan ini mengguna pakai Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2016 (Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif). Pada tahun ini, sebanyak 31 kumpulan daripada 14 jabatan dan agensi di Negeri Selangor telah menyertai MPIPANS.






MAJLIS PELANCARAN PORTAL INSENTIF PENJAGAAN ANAK BAGI WANITA BERKERJA

26 OKTOBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam telah berlangsung Majlis Perasmian Insentif Penjagaan Anak bagi Wanita Bekerja (MAMAKERJA) anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Selgate Corporation Sdn. Bhd. Perasmian telah disempurnakan oleh YB Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.

Turut hadir, YBhg Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan). YB Puan Mariam binti Abdul Rashid, Adun Meru. YBhg Dato' Noor Hisham Mohd Ghouth, Pengarah Urusan Selgate Corporation Sdn. Bhd. dan Puan Norhana binti Abdul Majid, Timbalan Pengarah Seksyen Sektor, Pejabat SUK Selangor.



Insentif ini bertujuan mengangkat martabat wanita bekerja yang mempunyai anak-anak serta memastikan wanita terus kekal dalam sektor pekerjaan. Program baharu Kerajaan Perpaduan Negeri Selangor ini akan memberi manfaat berjumlah RM1,000 kepada seramai 5,000 ibu bekerja bagi meringankan beban penjagaan anak-anak terutama dari segi kos.

Permohonan bagi insentif MamaKerja telah dibuka pada 1 November 2023 menerusi aplikasi Selangkah. Insentif MamaKerja ini dapat meningkatkan semangat dan memberi manfaat kepada wanita berkerjaya agar wanita lebih merasa dihargai dan tidak ketinggalan dalam bidang pekerjaan selaras dengan tema program ini. "Selangor Penyayang: Memartabat Penjaga, Melindungi yang Dijaga".

SESI SERAH SURAT PENEMPATAN GRED M52

JUMAAT, 27 OKTOBER 2023 - Sesi Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan kepada YBrs Encik Mohd Zaim bin Mohd Shukri yang dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, PSUK Selangor. Penyerahan Surat Pelantikan telah disempurnakan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Haji Haris bin Kasim.



PENYERAHAN BANTUAN KE PALESTIN


27 OKTOBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Bilik Mesyuarat MTES, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor mewakili Kerajaan Negeri Selangor telah menyampaikan sumbangan kepada YBhg Datuk Zahairi Baharim, Setiausaha Bahagian, Bahagian Asia Barat, Kementerian Luar Negeri. Sumbangan tersebut bernilai RM1 Juta dan akan disalurkan ke Akaun Amanah Rakyat Palestin yang diselirikan oleh Kementerian Luar Negeri.




28 OKTOBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Setia City Convention Centre telah berlangsung Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara (HASN) dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor, Secret Recipe Manufacturing Sdn. Bhd, TNB Connaught Sdn. Bhd., Kuala Lumpur Kepong Berhad, Canon Opto (M) Sdn. Bhd., WCT Holdings Berhad, AMR Environmental Sdn. Bhd. dan Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Jamaliah binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam & Alam Sekitar Negeri Selangor. Turut hadir, YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan SUK Pembangunan. YBrs Puan Rahilah binti Rahmat, Pegawai Daerah Pejabat Daerah & Tanah Petaling dan Puan Nor Aziah binti Jaafar, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

MAJLIS PERASMIAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA TAHUN 2023



Sambutan HASN ini bertujuan untuk mengajak seluruh masyarakat agar sama-sama meraikan semangat kecintaan kepada alam sekitar dan sambutan ini dianjurkan secara serentak di seluruh Negara dengan pelbagai aktiviti pengisian program kesedaran dan pendidikan alam sekitar.



Penganjuran Hari Alam Sekitar Negara (HASN) dapat memupuk semangat pelbagai golongan masyarakat termasuk generasi muda agar lebih peka dan prihatin serta menghargai alam sekitar agar sentiasa terpelihara keindahannya.

30 OKTOBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Hotel Mardhiyyah telah berlangsung Majlis Perasmian Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2023 dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Wanita Berdaya Selangor (WBS), Selgate, Selangkah dan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS).

Perasmian majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir, YB Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dan Puan Norhana binti Abdul Majid, Timbalan Pengarah Seksyen Sektor, Pejabat SUK Selangor.

Ekonomi penjagaan atau pun *care economy* ini ditubuhkan melalui Jawatankuasa Tetap (Standco) baharu iaitu Jawatankuasa Tetap Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor yang diketuai oleh YB Puan Anfaal binti Saari dan Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2023 (SEPS) adalah sebagai platform kepada para pemegang taruh untuk berdiskusi berkenaan ekonomi penjagaan, mengutarakan idea, cadangan, hala tuju dan strategi, serta menjalin kerjasama pintar dalam kalangan pemegang taruh.

SIMPOSIUM EKONOMI PENJAGAAN NEGERI SELANGOR 2023

Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2023 kali ini mengangkat tema “Selangor Penyayang: Memartabat Ekonomi Penjagaan Di Selangor”. Penganjuran Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2023 ini dapat memastikan sektor penjagaan tidak ketinggalan, diberikan perhatian sewajarnya kerana sektor ini juga secara tidak langsung besar sumbangannya dalam peningkatan ekonomi Negeri Selangor.

Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2023



SHAH ALAM, 31 OKTOBER 2023 – Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan Sambutan Hari Psikologi 2023 Peringkat Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Cawangan Kaunseling dan Psikologi BPSM, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz. Majlis telah dirasmikan oleh YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan).

Turut diadakan sesi perkongsian ilmiah menampilkan figura hebat dalam dunia kaunseling, motivasi dan kesihatan mental antaranya YBhg Dato' Dr Mohd Fadzillah Kamsah, Pakar Motivasi terkenal, Tuan Sadli Osman, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kaunselor Malaysia. Dr Malar Santhi, Pengengaruh Media Sosial & Pegawai Perubatan dan Puan Madiha Fuad, Ketua Pegawai Eksekutif Plusvibes.

Sambutan yang mengangkat tema “Membina Kekuatan Mental ke Arah Kesejahteraan” turut dimeriahkan dengan acara cabutan bertuah, reruai pameran, ujian psikologi, kaunseling kerjaya dan saringan kesihatan.

SAMBUTAN HARI PSIKOLOGI 2023 PEINGKAT NEGERI SELANGOR



SHAH ALAM, 1 NOVEMBER 2023 – Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan Majlis Amanat Lantikan Baharu Bil. 7/2023 Jawatan Tetap Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertempat di Ballroom, Bangunan Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz. Amanat telah disampaikan oleh YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan).

Turut hadir, YBrs Tuan Nur Iskandar bin Nur Dzainuddin Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Dalam majlis tersebut, YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samingon telah menyampaikan surat lantikan tetap kepada seramai 71 orang penjawat awam bagi 8 jawatan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Pelantikan ini dapat membantu meningkatkan tahap kecekapan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan diharapkan agar dapat terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk Negeri Selangor.

SESI SERAH SURAT PENEMPATAN PTD





MAJLIS PERASMIAN DISTRICT DISASTER OPERATION CENTRE (DOC)

2 NOVEMBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling, telah berlangsung Majlis Perasmian District Disaster Operation Centre (DDOC) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Petaling yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir mengiringi, YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan) dan YBrs Puan Rahilah binti Rahmat, Pegawai Daerah dan Tanah Petaling.

DDOC dibangunkan sebagai pusat operasi pemantauan berpusat di PDT sekali gus menyelaraskan maklumat dengan SSOC (Bilik Gerakan Negeri) untuk mengumpul dan mengurus data bencana di Negeri Selangor. Ia merangkumi data bencana rentas sempadan daerah, di samping menyelaraskan koordinasi agensi dan jabatan peringkat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN). Dengan kewujudan Pusat Operasi Bencana Daerah (DDOC) dapat memastikan pengurusan bencana di peringkat daerah mahupun negeri lebih pantas dan tuntas serta dapat dijadikan model untuk negeri-negeri lain dalam aspek pengurusan bencana.





SESI SIDANG MEDIA KEJOHANAN GOLF REMAJA ANTARABANGSA SELANGOR KE-2

2 NOVEMBER 2023, PETALING - Bertempat di Kelab Golf Seri Selangor telah berlangsung Sesi Sidang Media Kejuaraan Golf Remaja Antarabangsa Selangor Ke-2 oleh YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir, YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Tuan Haji Zubir bin Idrus, Ketua Pegawai Eksekutif, PKNS Golf Services Management Sdn. Bhd. dan YBhg Dato' Zulkifli bin Dato' Ismail, Setiausaha Kehormat Malaysian Golf Association, Mr David Jeong, Pengasas dan Presiden, UUMISM.

Kejuaraan ini akan bermula pada 2 hingga 5 November 2023 bertempat di Kelab Golf Seri Selangor, Malaysia dan mempertandingkan dua kategori iaitu berkumpulan (nasional) dan individu (lelaki dan perempuan). Penganjuran kejuaraan ini dapat membangunkan sukan golf di peringkat akar umbi dan mempromosikannya di kalangan generasi muda.





PROGRAM SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI NEGERI SELANGOR TAHUN 2023

4 NOVEMBER 2023, KLANG - Bertempat di Padang Chetty, Klang telah berlangsung Sambutan Perayaan Deepavali Peringkat Negeri Selangor Tahun 2023 yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari diiringi oleh YBhg Dato' Salim bin Soib, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, YB Tuan Papparaidu a/l Veraman, EXCO Sumber Manusia & Pembasmian Kemiskinan, Barisan Ahli- Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

Majlis Sambutan ini diserikan dengan persembahan tarian kebudayaan kaum India yang sangat unik dan menarik serta para tetamu turut dihidangkan dengan makanan-makanan lazat yang menjadi makanan tradisi kaum India. Turut diadakan penyerahan Sumbangan Bantuan Cek Kuil Fasa 4 Tahun 2023 dan Sumbangan Yuran Pengajian IPTA/IPTS Pelajar Komuniti India B40 Fasa Ketiga Tahun 2023.





SESI PENYAMPAIAN HADIAH 2ND SELANGOR INTERNATIONAL JUNIOR GOLF CHAMPIONSHIP 2023

AHAD, 5 NOVEMBER 2023, PETALING JAYA - Bertempat di Kelab Golf Seri Selangor, Petaling Jaya telah berlangsungnya Sesi Penyampaian Hadiah bagi 2nd Selangor International Golf Championship 2023 yang disempurnakan oleh YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan YB Dr Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor.

Johan bagi Kategori Individu Lelaki dimenangi oleh Jacob Cajita dari Filipina manakala bagi Kategori Wanita Individu dimenangi oleh Encik Jung Min Seo dari Korea Selatan dan Encik Wang Xin Yau dari Malaysia memenangi tempat kedua. Johan bagi Kategori Lelaki Berkumpulan dimenangi oleh Negara Filipina, tempat kedua Negara Korea Selatan B manakala Malaysia memenangi tempat ketiga.

Johan bagi Kategori Berkumpulan Wanita dimenangi oleh Negara Korea Selatan B, Thailand tempat kedua dan Malaysia memenangi tempat ketiga. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang dan peserta kejohanan inii dan mempromosikannya di kalangan generasi muda.





KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH JABATAN IMIGRESEN NEGERI SELANGOR KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

ISNIN, 6 NOVEMBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung kunjungan hormat YBrs Tuan Khairrul Aminus bin Kamaruddin, Pengarah Imigresen Negeri Selangor ke atas YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir sama, YBrs Puan Wan Zetti Rafina binti Wan Mohamad Zuki, Timbalan Pengarah (Pengurusan) dan YBrs Tuan Ahmad Fuaad bin Md Samud, Ketua Bahagian Perancangan Strategik dan Khidmat Korporat Imigresen Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor berbesar hati serta mengalu-alukan kunjungan YBrs Tuan Khairrul Aminus yang baru berkhidmat di Jabatan Imigresen Negeri Selangor. Kunjungan hormat ini akan mengukuhkan lagi jalinan kerjasama, menambahbaik perkhidmatan serta bertukar-tukar pandangan antara Jabatan Imigresen Negeri Selangor dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



KUNJUNGAN HORMAT TENAGA NASIONAL BERHAD KE PEJABAT SETIAUSAHA NEGERI SELANGOR

ISNIN, 6 NOVEMBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung kunjungan hormat dari Tenaga Nasional Berhad yang diketuai oleh YBrs Tuan Ir Hj Mohd Junaizee Bin Mohd Noor, Head Stakeholder Management Jabatan Strategik Engagement dan YBrs Tuan Ir Ts Ahmad Rezahan bin Mohammad, Pengurus Besar Negeri, State Stakeholder Affairs (Selangor/KL/Putrajaya).

Turut hadir, En K. Sanjay Krishna dan En Ahmad Shahrizan bin Mohd Aminallah, Head of TNB GRID Kuala Lumpur dan Selangor.

Sesi kunjung hormat ini bertujuan untuk beramah mesra serta berbincang berhubung isu kapasiti tenaga di Negeri Selangor dan pihak TNB memberikan jaminan bahawa kapasiti bekalan masih terkawal dan mencukupi.



2016 - 2021
Feb - Okt 2021

T.D. SETIAUS
Raja Tun Uda R
Encik Othman K
Encik Abdul Azi
Engku Mohd. E
Encik Abdul Jan
Encik Mohd. Is
Encik Taib Hj. A
Encik Hashim M
Encik Lokman
Encik Mohd. Sh
Tn. Hj. Megat M
Encik Abd. Gha
Dato' Atwi Jant
Encik Hussein M
Dato' Wan Man
Dato' Sulaiman
Dato' Hj. Sulaim
Dato' Sulaiman
Dato' Abd Halim
Dato' Ahmad Za
Dato' Yaacob A
Dato' Tik Mustaf
Dato' Hashim M
Dato' Hj. Ambri
Dato' Abdul Azi
Dato' Mohamad
Dato' Ramli M
Dato' Ramli Ma
Dato' HJ Mohan

KONVENSYEN CAKNA INTEGRITI : PUPOK PROFESIONALISME DIRI SEMPENA HARI INTEGRITI

7 NOVEMBER 2023, SHAH ALAM – Bertempat di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid SSAAS, Shah Alam telah berlangsung perasmian Konvensyen Cakna Integriti : Pupuk Profesionalisme Diri Sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2023 yang telah disempurnakan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Haris bin Kasim.

Turut sama hadir ialah YB Pegawai Kewangan Negeri, Dr Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Sahibus Saadah Pengarah JAIS, Dato' Mohd Shahzihan Ahmad, Ketua Penolong Setiausaha Unit Integriti, Puan Nur binti Sapran @ Shahrani, Ketua-Ketua Jabatan dan wakil-wakil Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Selangor.

Program ini turut diserikan dengan perkongsian daripada pakar motivasi terkenal, YBhg Dato' Dr Haji Mohd Fadzilah Bin Kamsah dan Ustaz Khubaib Asmadi, Pengasas Seerah Center. Semoga dengan penganjuran program ini dapat meningkatkan lagi kefahaman dan pengurusan integriti secara profesional dalam urusan seharian penjawat awam di Negeri Selangor.



PEMBENTANGAN BELANJAWAN SELANGOR 2024

10 NOVEMBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Bangunan Dewan Negeri Selangor telah berlangsung Sesi Pembentangan Belanjawan Selangor 2024 oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut sama hadir, YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-Undang Negeri, YB Tuan Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

Belanjawan 2024 mengangkat tema “Selangor Mandiri: Memacu Kemajuan, Memicu Perpaduan” dan akan dimobilisasi melalui empat teras utama iaitu, teras yang pertama adalah Pemangkin Pelaburan Berkualiti, Menjana Pendapatan Tinggi. Kedua, Mengangkat Pendidikan Bestari, Menjamin Alam, Sekitar Lestari. Teras ketiga, Menaungi Kebajikan Rakyat dan yang keempat adalah Mengangkat Kesatuan Ummah.

Belanjawan Selangor 2024 memastikan setiap lapisan rakyat di Negeri Selangor akan mendapat faedah yang sewajarnya dan tiada yang berkecuali. Segala intipati belanjawan ini akan dilaksanakan dengan baik dan saksama serta menjadikan Negeri Selangor menjadi negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.



SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

SELASA, 14 NOVEMBER 2023 - Sesi Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan kepada YBrs Tuan Nazli bin Md Taib yang dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ). Penyerahan Surat Pelantikan telah disempurnakan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Haji Haris bin Kasim.



MAJLIS PERASMIAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2023 (HPBS) PERINGKAT NEGERI SELANGOR

18 NOVEMBER 2023, KUALA LANGAT - Bertempat di Dewan Jubli Emas, Kampung Endah, Kuala Langat telah berlangsungnya Majlis Perasmian Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Selangor oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Negeri Selangor.

Turut hadir, YB Dr Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YB Tuan Borhan bin Aman Shah, Exco Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor, YB Datuk Hj Rizam bin Ismail, EXCO Kemajuan Desa dan Perpaduan Negeri Selangor dan YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Selangor.

Sambutan HPBS Peringkat Negeri Selangor ini dianjurkan dengan kerjasama antara PLANMalaysia Selangor, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Endah. Program ini telah mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran pengunjung seramai lebih 2,000 orang.



PERTANDINGAN AKHIR ASLI BATTLE OF THE BANDS

18 NOVEMBER 2023, SHAH ALAM- Bertempat di Dewan Jubli Perak Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah, telah berlangsung Pertandingan Akhir Asli Battle Of The Bands. Perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Borhan bin Aman Shah, Exco Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor. Acara turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Negeri Selangor.

Turut hadir, YBrs Tn Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YBrs Pn Mudirah binti Muhammad, Ketua Integriti & Governans MBI, Merangkap Bendahari Persatuan Mencegah Dadah (PEMADAM) Selangor, YBrs Puan Sharina binti Abdul Aziz, Timbalan Pengarah (Pembangunan) JAKOA Negeri Selangor & Wilayah Persekutuan dan YBrs Puan Norhana binti Abdul Majid, Timbalan Pengarah Seksyen Sektor, UPEN.

Pertandingan Asli Battle Of The Bands ini diadakan bertujuan mencungkil bakat-bakat terpendam dari kalangan masyarakat orang asli di Negeri Selangor yang sebenarnya sangat berbakat dalam bidang nyanyian.

Lapan kumpulan telah bertanding dalam pertandingan akhir ABOTB ini bagi merebut hadiah kejuaraan. Dalam pertandingan akhir ini mereka telah mempersembahkan dua buah lagu salah satunya adalah dari bahasa pertuturan mereka.


Acara turut dihangatkan dengan persembahan artis tanah air, Kaka Azraf dan Korie. Tahniah dan syabas kepada semua pemenang dan diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan lagi pada tahun hadapan.



MAJLIS PERASMIAN YAYASAN PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA

23 NOVEMBER 2023, SHAH ALAM – DYMM Tuanku Sultan Selangor telah berkenan menyempurnakan Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda (YPRTU) bertempat di Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor diiringi oleh DYTM Raja Muda Selangor.

Turut hadir, YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Negeri Selangor. YAD Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Alhaj bin Raja Tun Uda Alhaj selaku Pengerusi Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda, YB Dato' Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan YBhg Datin Paduka Hajah Mastura binti Hj Muhamad, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.



SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2023

26 NOVEMBER 2023, AMPANG - Bertempat di Zoo Negara, Ampang telah berlangsung Majlis Perasmian Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan Peringkat Negeri Selangor 2023 oleh YB Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Turut hadir ialah Rozeeta@Hidayah binti Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif Wanita Berdaya Selangor (WBS), Puan Norazlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak, Dr. Ani binti Ahmad, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya serta Puan Zuraina binti Mohd. Zain, wakil Ketua Pengarah LPPKN.


Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan adalah program tahunan yang dianjurkan oleh LPPKN sebagai Agensi Peneraju Kesejahteraan Keluarga. Pelbagai program dan aktiviti yang memberi manfaat kepada pengunjung dijalankan bagi memeriahkan Bulan Keluarga Kebangsaan, antaranya Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita (WCaRe) iaitu Ujian Saringan Kanser HPV DNA, Saringan Kesejahteraan (Percuma), MamaCare (Urutan Kesejahteraan Wanita), myPapaCare (Urutan Kesejahteraan Lelaki) serta Pameran Pendidikan Keibubapaan, Kaunseling Keluarga Pitstop Stres bersama Kaunselor dan KafeteEN: K-Teen (Ilmu berkaitan Remaja).



MAJLIS PERISYTIHARAN HUTAN WARISAN DIRAJA SELANGOR

28 NOVEMBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Hotel Double Tree by Hilton, Shah Alam telah berlangsung Majlis Perisytiharan Hutan Warisan Diraja Selangor telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Selangor diiringi oleh DTYM Raja Muda Selangor.

Turut hadir, YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Negeri Selangor, YB Dato' Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, YB Dr Ahmad Fadzli Bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YB Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, YBhg Dato' Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).



SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

JUMAAT, 1 DISEMBER 2023 - Sesi Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan kepada YBrs Tuan Mohamad Hanafe Bin Basri yang dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS).

Penyerahan Surat Pelantikan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Merangkap Pengarah UPEN.




**PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI SELANGOR (PEMBANGUNAN)**



MAJLIS PERASMIAN PESTA BUKU ANTARABANGSA

1 DISEMBER 2023, SHAH ALAM – DYMM Sultan Selangor telah berkenan menyempurnakan Majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa Selangor 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam, Selangor diiringi oleh DYMM Tengku Permaisuri Selangor.

Turut hadir, YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Negeri Selangor, YB Dr Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan dan YB Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat.

Pesta Buku Antarabangsa Selangor dianjurkan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan pelbagai aktiviti menarik termasuk cabutan bertuah, jualan buku dan diskaun hebat menanti pengunjung.

Dalam majlis yang sama, Baginda turut berkenan menyampaikan plak penghargaan kepada lapan wakil program Selangor International Fellowship daripada Malaysia, Australia, Turkiye, Filipina, Azerbaijan, Indonesia, Korea Selatan dan Nepal.

DYMM Sultan Selangor dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor turut meluangkan masa melawat reruai di pesta buku tersebut.





MAJLIS PENUTUP MAKSAK ISLAMIC CARNIVAL 2023

3 DISEMBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz Shah telah berlangsung Majlis Penutup MAKSAK Islamic Carnival 2023 yang diadakan pada julung kalinya tahun ini. Karnival ini diadakan dengan kerjasama MAKSAK Malaysia dan MAKSAK Selangor telah dipilih menjadi tuan rumah.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) dan YBrs. Tuan Radin Hedly Shah, Setiausaha Agong MAKSAK Malaysia.

MAKSAK Islamic Carnival 2023 mempertandingkan 3 acara iaitu, Tilawah Al- Quran, Da'i dan Nasyid Kontemporari. Peserta-peserta pertandingan juga adalah dari kalangan penjawat awam di seluruh negeri di Malaysia.

Program seumpama ini sangat menarik kerana dapat mencungkil bakat-bakat terpendam para penjawat awam. Selain berkerja penjawat awam juga dapat mengisi masa dengan aktiviti yang berfaedah.

NASYID KONTEMPORARI





MAJLIS PERASMIAN KEMPEN SAYANGI WANITA DAN BANGKIT MELAWAN KEGANASAN

7 DISEMBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam telah berlangsung Majlis Perasmian Kempen Sayangi Wanita dan Bangkit Melawan Keganasan oleh YB Puan Anfaal Saari, Exco Pembangunan Wanita & Pembangunan Masyarakat diiringi oleh YBrs Puan Rozeeta binti Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif Wanita Berdaya Selangor dan YBrs Tengku Nurhusni bt Tengku Ab Razak, Pengerusi Pertubuhan Wanita Impian Negeri Selangor.

Majlis perasmian ini diadakan sebagai kemuncak kempen Sayangi Wanita sempena 16 Hari Aktivisme Melawan Keganasan Berasaskan Gender yang diadakan bermula pada 20 November 2023. Dalam majlis tersebut turut diedarkan 100 kuntum bunga kepada tetamu sebagai tanda penghargaan terhadap wanita ibarat sekuntum bunga sekuntum senyuman.



ISTIADAT PENGANUGERAHAN / PENGURMAAN DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN NEGERI SELANGOR

11 DISEMBER 2023, KLANG- Bertempat di Balairung Seri, Istana Alam Shah, Klang telah berlangsung Istiadat Penganugerahan/pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Negeri Selangor Darul Ehsan sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-78 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Turut mengiringi Baginda, DYMM Tengku Permaisuri Selangor dan DYTM Raja Muda Selangor, Waris-Waris Di Raja Selangor, Orang-Orang Besar Istana dan Orang-Orang Besar Daerah.

Hadir sama YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, YB Dato' Setia Hj. Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor serta Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri / EXCO.

Tahniah diucapkan kepada 97 orang penerima bintang dan darjah kebesaran oleh DYMM Sultan Selangor. Penganugerahan ini sebagai tanda penghargaan atas khidmat bakti serta taat setia yang ditumpahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Seluruh barisan kepimpinan dan penjawat awam Negeri Selangor juga mendoakan agar DYMM Sultan Selangor dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor sentiasa dalam kesejahteraan dan Rahmat Allah SWT.



SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN



12 DISEMBER 2023, SHAH ALAM- Sesi Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan kepada YBrs Ir Haji Nasser bin Salim yang dilantik sebagai Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri Selangor. Penyerahan surat pelantikan telah disempurnakan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Setia Haji Haris bin Kasim.

Turut sama hadir, Timbalan Pengarah (Pembangunan I) JPS, YBrs Ir Haji Mustafa bin Murad.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN NEGERI SELANGOR

12 DISEMBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Selangor Technical Skills Development Centre (STDC), Seksyen 7, Shah Alam telah berlangsung Majlis Menandatangani Memorandum of Understanding (MoU) di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Selangor yang disaksikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan Menteri Pendidikan, YB Puan Fazlina Sidek.

Turut hadir YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), YBrs Tuan Mohd Nazri Noh, Pengerusi Lembaga Pengarah STDC dan YBrs Tuan Zulkernai Fauzi, Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional.

MoU ini diharapkan akan menjadi titik tolak kepada program pembangunan dan penawaran modul-modul Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) tahap tinggi dalam bidang teknologi terkini ke arah revolusi industri 4.0.



MAJLIS PENYERAHAN PROGRAM BANTUAN SEKOLAH NEGERI SELANGOR TAHUN 2023

12 DISEMBER 2023, SHAH ALAM- Bertempat di Bilik Gerakan Tingkat 22, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah berlangsung Majlis Penyerahan Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor Tahun 2023 yang disempurnakan oleh YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) diiringi YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor adalah inisiatif daripada Kerajaan Negeri Selangor yang merupakan program bantuan kepada sekolah di Negeri Selangor bagi membaik pulih infrastruktur sekolah dalam membantu menyediakan persekitaran yang kondusif.

Pada tahun ini peruntukan bagi Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor telah ditambah menjadi Ringgit Malaysia 26.5 juta dengan mengambil kira permohonan dan keperluan yang semakin bertambah setiap tahun.



ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KERABAT SELANGOR YANG AMAT DIHORMATI KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG

14 DISEMBER 2023, KLANG - Bertempat di Balai Agung Seri, Istana Alam Shah, Klang telah berlangsung Istiadat Penganugerahan Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati Kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong oleh DYMM Sultan Selangor diiringi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, DYMM Tengku Permaisuri Selangor, DYTM Raja Muda Selangor dan KDYMM Pemangku Raja Pahang.

KDYMM Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj telah dikurniakan Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (DK) bersempena dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-78 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Seluruh barisan kepimpinan dan penjawat awam Negeri Selangor juga mendoakan agar KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong senantiasa dalam kesejahteraan dan Rahmat Allah SWT.





PROGRAM TOWNHALL DI ANTARA YB EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PELANCONGAN BERSAMA PEMILIK DAN PENGUSAHA KILANG TANPA KEBENARAN DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

15 DISEMBER 2023, SHAH ALAM- Bertempat di Hotel Premiere, Klang telah berlangsung Sesi Townhall di antara YB Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan bersama Pemilik dan Pengusaha Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Klang. Program telah disempurnakan oleh YB Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan.

Turut hadir, YBhg Datin Paduka TPr Noraini Binti Roslan, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang, YBrs Tuan Mohd Sha'walludin bin Aziz, Timbalan Pengarah Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan UPEN , pengusaha-pengusaha kilang dan juga ahli majlis dari daerah Klang.

Sesi townhall ini bertujuan memberi peluang kepada pengusaha dan pemilik kilang untuk mendapatkan pencerahan daripada agensi-agensi teknikal dan pihak Kerajaan Negeri Selangor juga ingin mendengar dari peringkat akar umbi permasalahan yang dihadapi oleh pengusaha serta pemilik kilang.



SAMBUTAN PERAYAAN KRISMAS PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2023

16 DISEMBER 2023, PETALING JAYA- Bertempat di Laman MBPJ, Petaling Jaya telah berlangsung Sambutan Perayaan Krismas Peringkat Kerajaan Negeri Selangor 2023. Program telah disempurnakan oleh YB Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan.

Turut hadir YB Tuan Mohd Kamri bin Kamaruddin, Timbalan Speaker Negeri Selangor, YBrs. Tuan Aznan bin Haji Hassan, Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan YB Puan Pua Pei Ling, ADUN Bukit Lantan.

Dalam majlis yang sama juga berlangsung Sesi Penyerahan Sumbangan kepada Badan-Badan Kebajikan Negeri Selangor. Pelbagai acara persembahan menarik turut diadakan termasuk penampilan penyanyi Juwita Suwito.

Lebih 5000 tetamu yang hadir kelihatan gembira menikmati menu makanan yang disediakan dan turut menyertai aktiviti menghias Biskut Gingerbread dan kek cawan.



SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN



ISNIN, 18 DISEMBER 2023-
SHAH ALAM - Sesi Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan kepada YBrs Encik Zainal bin Bahaudin yang dilantik sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam.

Penyerahan surat pelantikan telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YBrs Tuan Haji Mohamad Zahri bin Samingon.



PERSIDANGAN PENGURUS SUMBER MANUSIA (HRMC) 2023 PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

19 DISEMBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam telah berlangsung Persidangan Pengurus Sumber Manusia (HRMC) 2023 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang telah disempurnakan oleh YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

Turut hadir YBrs Tuan Nur Iskandar bin Nur Dzainuddin, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan YBrs Tuan Mazhan bin Mujail, Ketua Penolong Setiausaha (Dasar) BPSM.

Terdapat lima sesi perbincangan yang diadakan dalam persidangan ini termasuk Sesi Dialog dan Perkongsian Bersama YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang diwakili oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK Selangor atas penganjuran program ini dengan kerjasama MBSA serta semua Agensi terlibat.



MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT PELANTIKAN AHLI LEMBAGA TABUNG KUMPULAN WANG BIASISWA NEGERI SELANGOR (TKWBNS)

20 DISEMBER 2023, SHAH ALAM - Bertempat di Bilik Mesyuarat MTES, Bangunan SSAAS, SUK Selangor telah berlangsungnya Majlis Penyampaian Surat Pelantikan Ahli Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari.

Seramai 3 orang Ahli Lembaga TKWBNS telah dilantik sempena Mesyuarat Lembaga TKWBNS Bil.1/2023 pada kali ini, antaranya adalah:

1. YB Tuan Danial Al-Rashid bin Haron Aminar Rashid, Ahli Dewan Negeri Batu Tiga;
2. YB Puan Lim Yi Wei, Ahli Dewan Negeri Kg. Tunku; dan,
3. YBrs Tuan Mohd Nazri bin Noh, Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor.






MAJLIS SAMBUTAN BULAN KESELAMATAN JALAN RAYA PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2023

20 DISEMBER 2023, SHAH ALAM- Bertempat di Foyer Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung Majlis Sambutan Bulan Keselamatan Jalan Raya Peringkat Negeri Selangor Tahun 2023 yang telah disempurnakan oleh YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samington, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

Turut hadir, YBrs Tuan Azrin bin Borhan, Pengarah JPJ Negeri Selangor, YBrs Tuan Muhammad Hanafi bin Ahmad, Setiausaha Bahagian, Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat SUK Selangor, ketua-ketua jabatan serta penjawat awam di Negeri Selangor.

Dalam majlis ini turut diadakan Sesi Taklimat berkaitan Keselamatan Jalan Raya dan turut berlangsung Sesi Kuiz Kahoot Keselamatan Jalan Raya yang menawarkan hadiah menarik. Dengan penganjuran program seumpama ini dapat meningkatkan kesedaran rakyat di Negeri Selangor ini agar lebih berhati-hati ketika berada di jalan raya. Keselamatan jalan raya tanggung jawab kita bersama.



MESYUARAT PENYELARASAN PENTADBIRAN TANAH / DAERAH DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

21 DISEMBER 2023, AMPANG- Bertempat di Dewan Kuarza, Tingkat 1, Pusat Konvensyen MPAJ telah berlangsung Mesyuarat Penyelarasan Pentadbiran Tanah/ Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (MPPTDPBNTS) Bil. 3/ 2023 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Turut serta dalam mesyuarat tersebut, YB Dato' Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Datuk Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis, Pegawai-Pegawai Daerah, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Bahagian di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam sesi mesyuarat tersebut turut diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW) Bil.2/2023.



PESTA RENTAK SELANGOR

KONSERT RENTAK SELANGOR 2023

23 DISEMBER 2023, PETALING JAYA- Bertempat di Dewan Sivik Petaling Jaya telah berlangsung Konsert Rentak Selangor 2023 yang telah disempurnakan oleh YB Tuan Borhan bin Aman Shah, EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor.

Turut hadir mengiringi YBrs Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YM Tengku Shamsulbhari bin Tengku Azman Shah, Pengerusi Majlis Kebudayaan Negeri Selangor dan Encik Nasaruddin bin Abdul Mutalib, Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran RTM.

Pesta Rentak Selangor kali ini menggabungkan pelbagai acara antaranya Pertandingan Nyanyian Lagu 70an, Konsert Retro 70an dan Pertandingan Pakaian Terbaik Tema 70an lelaki dan wanita. Dewan Sivik Petaling Jaya juga didekorasi mengikut suasana yang menggamit kenangan 70an.



DARUL EHSAN BERSELAWAT 3.0

31 DISEMBER 2023, SHAH ALAM- Bertempat di Dataran Tapak Karnival, Perkarangan Stadium Shah Alam telah berlangsung Program Darul Ehsan Berselawat 3.0 anjuran Kerajaan Negeri Selangor dan telah dibanjiri dengan kehadiran hampir 20 ribu orang.

Program ini disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor diiringi oleh YB Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan YBrs. Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

Dalam majlis itu, orang ramai diperdengarkan alunan qasidah oleh kumpulan Nur Ahli Badar dan Babul Mustofa selain tausiyah yang dipimpin tokoh Islam seperti Habib Nael Taher, Ustaz Iqbal Zain, Habib Najmudden Othman serta Habib Jindan Novel.

Darul Ehsan
Berselawat 3.0

Disember 2023 (Ahad) | 7.00mlm - 11.59mlm

Perkarangan Stadium Shah Alam





SKIM AIR DARUL EHSAN (SADE)

AIR PERCUMA SEBANYAK
20 METER PADU SETIAP BULAN
KEPADA MEREKA YANG LAYAK

SKIM AIR DARUL EHSAN (SADE)

Program penjajaran semula pemberian air percuma kepada golongan sasaran penduduk Negeri Selangor yang berkelayakan untuk menikmati pemberian rebat air percuma sebanyak 20 meter padu setiap bulan.

GOLONGAN SASAR / KRITERIA

- 1) Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan menetap di Negeri Selangor.
- 2) Mendapatkan bulanan isi rumah RM4,000 dan ke bawah (suami dan isteri termasuk pendapatan pasangan bukan warganegara, tiada pasangan atau bujang).
- 3) Premis kediaman adalah meter individu.

Pemohon hanya layak memohon untuk satu akaun atau premis sahaja. Pengguna akaun meter pukal dalam kategori pangsapuri kos rendah akan terus menerima 20 meter padu air percuma di bawah Skim Air Darul Ehsan secara automatik sehingga 31 Disember 2024 mengikut kaedah sedia ada yang melibatkan JMB/MC serta Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS)."



603-55447000

www.selangor.gov.my

@pejabatసుkselangor

@pejabatసుkselangor

@suk_selangor

 MALAYSIA MADANI

#KitaSelangor